

Soalan Lazim Program Penjadualan & Penstrukturan Semula (R&R)

No	Soalan	Jawapan
1.	Apakah Program Penjadualan dan Penstrukturan Semula (R&R)?	<p>Ia merupakan program bantuan bayaran balik yang diwujudkan bagi membantu pelanggan BSN (individu dan perniagaan) yang menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran balik pembiayaan/pinjaman mereka.</p> <p>Pilihan yang tersedia di bawah Program R&R termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurangan ansuran bulanan sehingga 24 bulan dengan lanjutan tempoh pembiayaan/pinjaman (jangka pendek). • Pengurangan ansuran bulanan sehingga tarikh matang yang dilanjutkan (jangka panjang).
2.	Apakah objektif program R&R?	<p>Matlamat program ini adalah untuk memberikan bantuan kepada pelanggan individu dan perniagaan yang mengalami kesukaran dalam membuat bayaran balik/pembayaran pembiayaan/pinjaman disebabkan oleh kekangan kewangan.</p>
3.	Siapakah yang layak memohon program R&R?	<p>Pelanggan BSN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengalami pengurangan pendapatan individu atau isi rumah dan/atau; • Menghadapi kesukaran kewangan, sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang.

No	Soalan	Jawapan
4.	Apakah jenis produk pembiayaan/pinjaman yang layak untuk program R&R?	Pembiayaan/pinjaman berikut adalah layak untuk memohon program R&R: <ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan/pinjaman perumahan; • Pembiayaan/pinjaman peribadi (kecuali i-Banjir); • Pembiayaan/pinjaman sewa beli; • Kewangan Mikro.
5.	Bolehkah saya memohon R&R jika saya berada di bawah AKPK atau SDRS?	Tidak. Pelanggan yang sedang mengikuti program AKPK atau SDRS dinasihatkan untuk menghubungi agensi berkaitan untuk mendapatkan bantuan lanjut. <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Khidmat Pelanggan AKPK: 03-26167766. • Pusat Khidmat Pelanggan SDRS: 03 -21741515.
6.	Bagaimanakah cara untuk memohon program R&R?	Anda boleh memohon melalui laman web BSN www.bsn.com.my
7.	Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk permohonan program R&R?	Anda perlu mengemukakan dokumen sokongan berikut: <p><u>Individu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Salinan IC; dan (ii) 3 bulan slip gaji terkini, atau (iii) Akuan Pendapatan Berkanun (Surat Akuan Sumpah) bagi mereka yang tidak mempunyai slip gaji/bekerja sendiri; atau (iv) 3 bulan penyata bank terkini; dan (v) Dokumen lain yang berkaitan (sekiranya perlu).

No	Soalan	Jawapan
		<p><u>Pemilik Tunggal/ Perkongsian/ Syarikat</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Salinan IC; dan (ii) Pendaftaran perniagaan syarikat; dan (iii) 3 bulan penyata bank terkini; atau (iv) Akuan pendapatan berkanun (Surat Akuan Sumpah) bagi mereka yang tidak mempunyai slip gaji/bekerja sendiri. (v) Dokumen lain yang berkaitan (sekiranya perlu). <p>Kami akan memaklumkan anda sekiranya dokumen tambahan diperlukan.</p>
8.	Berapa lama masa yang diambil untuk memproses permohonan program R&R?	Permohonan anda akan diproses dalam tempoh 7 hingga 14 hari bekerja dari tarikh semua dokumen lengkap yang diperlukan diterima. Anda akan dimaklumkan selepas keputusan dibuat.
9.	Bagaimana saya akan dimaklumkan mengenai status permohonan saya?	Anda akan diberitahu mengenai keputusan permohonan melalui SMS. Sila pastikan nombor telefon anda adalah terkini semasa penghantaran permohonan.
10.	Apakah pilihan saya jika permohonan R&R saya tidak diluluskan?	Sekiranya permohonan anda ditolak dan anda tidak ditamatkan dari AKPK dalam tempoh 12 bulan yang lalu, anda boleh menghubungi Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui talian 03-2616 7766 atau layari laman sesawang www.akpk.org.my untuk maklumat lanjut.
11.	Adakah terdapat sebarang yuran untuk memohon program R&R?	Tidak. Tiada yuran atau caj untuk memohon program R&R.

No	Soalan	Jawapan
12.	Adakah ansuran saya akan dikurangkan di bawah program R&R?	Dalam kebanyakan kes, ya. Ansuran bulanan akan disesuaikan berdasarkan keupayaan pembayaran balik anda dan tempoh baharu.
13.	Bagaimanakah ini akan memberi kesan kepada rekod Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) saya untuk permohonan R&R yang diluluskan?	<p>Bagi tujuan pelaporan CCRIS, pembiayaan/pinjaman yang diluluskan di bawah program R&R akan ditandakan sebagai penjadualan dan penstrukturan semula dalam CCRIS.</p> <p>Penandaan penjadualan dan penstrukturan semula akan dikeluarkan daripada laporan CCRIS selepas pembayaran yang konsisten dan tepat pada masanya dibuat selama enam (6) bulan berturut-turut di bawah terma dipinda.</p>
14.	Adakah kadar keuntungan/ faedah pembiayaan/ pinjaman akan berubah di bawah program R&R?	Kadar keuntungan/ faedah pembiayaan/ pinjaman akan kekal tidak berubah bagi permohonan R&R yang diluluskan.
15.	Adakah tarikh matang pembiayaan/ pinjaman saya akan dilanjutkan?	<p>Ya, tarikh matang dan tempoh pembiayaan/ pinjaman anda akan dilanjutkan.</p> <p>Sila ambil perhatian bahawa ini akan meningkatkan kos pinjaman.</p>
16.	Bolehkah saya menyelesaikan pinjaman saya lebih awal semasa berada di bawah program R&R?	Ya. Anda boleh membuat penyelesaian awal atau penuh pada bila-bila masa sepanjang tempoh R&R. Jumlah penyelesaian akan dikira semula berdasarkan keuntungan sebenar yang terakru dan caj (jika ada). Sila hubungi pihak

No	Soalan	Jawapan
		bank untuk mendapatkan jumlah penyelesaian terkini dan arahan lanjut.
17.	Adakah perlindungan takaful/insurans saya meliputi tempoh pembiayaan/pinjaman yang telah dipanjangkan?	<p>Perlindungan takaful/insurans (jika ada) akan kekal berdasarkan tempoh perjanjian pembiayaan/pinjaman asal. Tempoh lanjutan tidak akan dilindungi oleh takaful/insurans asal.</p> <p>Sila hubungi penyedia takaful/ insurans anda untuk memohon lanjutan perlindungan atau mendapatkan nasihat mengenai cara menyesuaikan perubahan polisi agar sesuai dengan keadaan anda.</p>
18.	Adakah saya perlu menandatangani sebarang dokumen / perjanjian untuk menyertai program ini?	Pegawai kami akan menasihati anda/ penjamin / peminjam sekiranya terdapat dokumen perjanjian yang perlu ditandatangani sebagai persetujuan bagi permohonan yang diluluskan.
19.	Bolehkah saya memohon program R&R jika saya tidak terjejas dari segi kewangan?	<p>Tidak, program ini bertujuan untuk membantu pelanggan yang mempunyai masalah kewangan.</p> <p>Menyertai program ini akan memberi kesan negatif kepada rekod CCRIS anda, dan ia akan mengakibatkan kos pinjaman tambahan akibat lanjutan tempoh pinjaman/pembiayaan.</p>

No	Soalan	Jawapan
20.	Bolehkah saya keluar daripada program ini jika keadaan kewangan saya bertambah baik?	<p>Ya, anda boleh keluar daripada program ini jika keadaan kewangan anda telah bertambah baik namun tertakluk kepada kelulusan Bank dengan syarat pembiayaan/pinjaman anda tidak berada dalam status tertunggak.</p> <p>Anda boleh menghantar permintaan anda dengan menghantar e-mel kepada kami melalui r&r@bsn.com.my</p>